

Flat usang, diaf sejak 32 tahun lalu dapat perhatian Adun Mambau

SEREMBAN - Bangunan rumah pangsa Taman Desa Rasah yang terabai dan tidak diselenggara dengan baik di sini, mendapat perhatian Adun Mambau, Yap Yew Weng.

Sinar Harian pada 11 Ogos lalu, melaporkan keadaan bangunan rumah terabit begitu usang selain rumah yang tiada penghuni dipenuhi sampah-sarap, namun hanya kerana sewa rumah yang murah, penduduk masih tetap bertahan menghuni di unit flat terabit.

Yew Meng yang meninjau ke lokasi berkenaan mengakui, lebih kurang 95 peratus unit rumah pangsa di situ dalam keadaan terlalu uzur malah dibiarkan begitu saja sejak tempoh 32 tahun kebelakangan ini.



Kelihatan akar pokok melingkar di dinding bangunan.

"Saya telah beberapa kali mengutarakan masalah yang dihadapi ini dalam Sidang Dun dan terbaru diutarakan sekali lagi dalam Sidang Dun baru-baru ini.

"Terbaru, kerajaan negeri telah mengeluarkan kenyataan dalam Sidang Dun dan menyatakan status terkini permohonan peruntukan di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) bagi meningkat taraf rumah pangsa berkenaan," katanya.

Jelas Yew Meng, berdasarkan kenyataan yang diperoleh, Unit Perumahan Negeri Sembilan memutuskan agar Skim Rumah Pangsa Desa Rasah memohon semula TP1M bagi tahun 2018 memandangkan permohonan yang dibuat pada



Yew Weng meninjau keadaan bangunan rumah pangsa Taman Desa Rasah yang usang serta terbit.

2015 tidak dipertimbangkan memandangkan dana 10 peratus geran sepadan tidak dapat disediakan oleh Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa tersebut.

"Jadi, kiri Majlis Perbandaran Seremban (MPS) sedang menyediakan dokumen yang diperlukan dan akan memanjangkan permohonan kepada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan," katanya.

Menurutnya, berdasarkan kepada maklum balas yang diberikan, beliau akan cuba berhubung dengan pihak Perbadanan Pengurusan Rumah Pangsa tersebut dalam masa terdekat ini, bagi menghulurkan bantuan yang diperlukan.



Rumah yang tidak berpenghuni dipenuhi sampah sarap.

Sampai sakit fikirkan hutang

OKU cacat pendengaran buntu identitinya digunakan pihak tidak bertanggungjawab beli telefon pintar



Umi Kelsom menunjukkan telefon bimbit digunakannya kini, bersesuaian dengan taraf kehidupannya.

AMRAN ALI

BANDARAYA MELAKA - Seorang wanita orang kurang upaya (OKU) di sini, resah apabila identitinya digunakan orang lain untuk membeli barang daripada sebuah syarikat pinjaman kredit sehingga dia kini menanggung hutang RM5,108.

Umi Kelsom Md Yusof, 54, yang mengalami masalah cacat pendengaran, berkata, dia terkejut bagaimana nama dan nombor MyKad miliknya digunakan individu tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, keadaan bertambah rumit apabila

pada November tahun lalu dia turut menerima notis daripada sebuah firma guaman yang akan mengambil tindakan jika dia tidak menjelaskan 'hutang' tertunggak itu.

"Saya cuma bekerja sebagai 'cleaner' di sebuah sekolah dengan pendapatan hanya RM700 sebulan, mustahil saya buat pinjaman, lebih-lebih lagi pinjaman itu untuk membeli telefon pintar. Nak makan pun tak cukup."

"Macam-macam tugasan yang saya terima termasuk muhibah sita rumah," katanya yang mengadu masalah tersebut di Pejabat Pusat Perkhidmatan Pembela

Barisan Nasional (BN) Ayer Keroh di sini, semalam.

Umi Kelsom berkata, akibat desakan yang sentiasa diterima daripada pihak pembiutang, kesihatan dirinya kini mula terganggu dan bantu memikirkan nasibnya.

Sementara itu, Pengarah Pembela BN, Amir Hamzah Aziz berkata, pihaknya sudah menyediakan khidmat guaman untuk membantu menyelesaikan kes ini.

"Kasihan OKU ini, dia tak tahu apa-apa tapi namanya dicalar oleh individu tak bertanggungjawab malah perlu menanggung hutang orang lain pula," katanya.